

Maarof ditabah secara rasmi

JELEBU 21 Ogos - Istiadat Pertabalan dimulakan secara rasmi hari ini, sekali gus melengkapkan pengisytiharan Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman Datuk Maarof Mat Rashad sebagai Undang Luak Jelebu ke-16.

Istiadat akan berlangsung selama lima hari, dimulakan dengan istiadat bersiram di Telapak Kampung Kemin, dekat sini pagi ini sebagai simbolik membersihkan jasmani dan rohani Maarof sebagai Undang Luak Jelebu yang baharu.

Pelbagai acara akan diadakan sempena Istiadat Pertabalan seperti persembahan kebudayaan, pertandingan masakan tradisional, pertandingan lancang, pertandingan kecantikan dan kesenian ayam serama, kar-nival sukan rakyat, perlawanan bola sepak persahabatan, santapan diraja serta jamuan rakyat.

Istiadat Pertabalan itu akan



MAAROF MAT RASHAD dan Mahawa Mohd. Som melambai kepada rakyat ketika perarakan sempena majlis Istiadat Pertabalan Undang Luak Jelebu Ke-16 di Jelebu, Negeri Sembilan semalam. - BERNAMA

diakhiri dengan istiadat menu-runkan alat kebesaran pada 25 Ogos.

Maarof yang dilahirkan pada 21 Ogos 1957 dan merupakan anak kelima daripada enam adik beradik, adalah bekas

guru dan Pegawai Pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah Jelebu.

Beliau mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban dan Open University Malaysia.